

# KATA GANTI NAMA DALAM INTERAKSI SOSIAL: ANALISIS SOSIOPRAGMATIK TERHADAP PERUBAHAN PERILAKU TUTUR ETNIK MINANGKABAU MODEN<sup>1</sup>

*Idris Aman*

*Hetti Waluati Triana*

## **Abstrak**

Kebanyakan perbincangan kata ganti nama Melayu yang telah dilakukan terhenti setakat bentuk, maksud, dan penggunaannya dalam perbualan, baik dari sudut pandang pragmatik mahupun sosiolinguistik. Kajian ini meneliti bagaimana kata ganti nama beroperasi dan dioperasikan oleh etnik Minangkabau moden dalam interaksi sosial sesama rakan dan menjadi lebih menarik ketika analisis kata ganti nama ditinjau daripada pemboleh ubah usia dan jantina. Data dikumpulkan dengan mengikut kaedah etnografi, iaitu pemerhatian, temu bual, dan etnopragmatik. Analisis dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan paradigma sosiopragmatik. Dapatan menunjukkan kata ganti nama yang digunakan dalam interaksi sosial sesama rakan dalam kalangan etnik Minangkabau moden memiliki bentuk dan fungsi yang bervariasi. Kebervariasian tersebut pada asasnya sangat ditentukan oleh aspek sosial pemerannya, terutama aspek usia dan jantina pemeran. Dengan melanjutkan analisis sosial, berdasarkan andaian asas dalam kebanyakan teori tentang perubahan budaya (Saville-Troike, 1989) dan disokong oleh dapatan Eckert (1997), dapat dirumuskan perubahan perilaku tutur etnik Minangkabau Moden.

---

<sup>1</sup> Artikel ini dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Linguistik SKALI'09 yang bertempat di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 10–11 Mac 2009.

**Abstract**

*Most of the discussions done on Malay pronouns stop short at form, meaning and its usage in interaction either in pragmatic or sociolinguistic aspect. This study explores on how pronouns function and are utilised by modern ethnic Minangkabau in social interactions among friends and is made more interesting when the analysis of pronouns is observed from age and gender variables.*

*Data was collected through ethnographic mode, that is, by means of observation, interviews, and ethno-pragmatic approach. Analysis was carried out qualitatively by using socio-pragmatic paradigm. Results show that pronouns used in social interaction among friends by modern ethnic Minangkabau have variable forms and functions. Basically, the variations have been set by the social aspect of the participants, especially where age and gender are concerned. With further social analysis, based on basic assumption in most theories on cultural change (Saville-Troike, 1989) and supported by Eckert (1997) findings, changed speech act of modern ethnic Minangkabau could then be described.*

*Key words: pronoun, social interaction, socio-pragmatics, ethnographic, Minangkabau*

## **PENDAHULUAN**

Kajian yang serius tentang kata ganti nama, kata panggilan, dan kata sapaan Melayu telah banyak dilakukan, antaranya oleh Amat Juhari (1989), Nik Safiah (1992), Ayub (1993), Moussay (1998), Nor Hashimah (1994), Sumalee (1994), Nor Hashimah *et al.* (2002), Kasih (2004), dan Zaitul Azma (2006). Berdasarkan dapatan kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa kata ganti nama merupakan unsur leksikal yang pada asasnya berkait rapat dengan aspek sosiobudaya, sebagaimana dinyatakan oleh Nik Safiah (1992:93) bahawa "... kata-kata ganti yang digunakan oleh seseorang kepada seseorang itu dapat menggambarkan kedudukannya berbanding orang yang dilawan bercakap...." dan ditegaskan oleh Nor Hashimah *et al.* (2002:225) bahawa penggunaan KGN sangat dipengaruhi oleh faktor budaya. Justeru, kata ganti nama perlu diberi perhatian dalam kajian pertuturan Melayu.<sup>2</sup>

---

2 Kajian pertuturan Melayu dimaksudkan sebagai kajian yang memfokuskan pembahasannya pada pertuturan yang menggunakan bahasa Melayu (proto Melayik) dan digunakan oleh bangsa Melayu.

Sesuai dengan tajuk di atas, maka perbincangan dalam kajian ini difokuskan pada kata ganti nama yang digunakan oleh etnik Minangkabau sebagai salah satu etnik Melayu yang tinggal di pantai barat pulau Sumatera, Indonesia. Perbincangan dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu konsep kata ganti nama, kaedah penyelidikan, sosiobudaya etnik Minangkabau, penggunaan dan fungsi kata ganti nama dalam kalangan etnik Minangkabau, dan perubahan perilaku tutur dalam kalangan etnik Minangkabau moden.

## KONSEP KATA GANTI NAMA

Perbincangan kata ganti nama dalam realitinya sering digunakan secara bertindan dengan kata panggilan atau kata sapaan.<sup>3</sup> Penggunaan yang demikian dapat disemak dalam berbagai-bagai tulisan, seperti huraian Abdul Syukor *et al.* (2003: 90), "... jika hubungan dari bawah ke atas, misalnya ..., hubungan ini hendaklah menggunakan kata ganti nama encik, tuan, puan, dan cik. Bagi murid pula haruslah menggunakan panggilan cikgu apabila berkomunikasi dengan gurunya."

Realiti yang demikian terjadi kerana penggunaan kata ganti nama sememangnya berkait rapat dengan bentuk-bentuk panggilan oleh sebab adakalanya bentuk-bentuk panggilan mengambil alih bentuk kata ganti nama. Pengambilalihan bentuk kata ganti nama tersebut terjadi kerana ingin menghormati atau memuliakan seseorang (Nik Safiah, 1992:93–94).

Menurut Asmah (1980:65), kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama, yang boleh berfungsi sebagai subjek dan objek pada suatu ayat. Asmah (1980:65) membahagikan kata ganti nama kepada tiga subgolongan, iaitu KGN, ganti nama penunjuk, dan ganti nama tanya. Asmah (1980:65) juga menyatakan bahawa selain dari segi nahu, ganti nama diri manusia boleh dilihat dari segi penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik yang meliputi taraf sosial para pengguna bahasa, darjah rapat tidaknya hubungan, suasana persekitaran, dan judul yang dipercakapkan.

3 Sebagaimana yang disebutkan oleh Nor Hashimah *et al.* (2002:231), kajian-kajian sebelumnya masih membahaskan kata ganti nama secara umum sehingga memungkinkan boleh menjadi punca kesalahan dalam menggunakannya. Dalam konteks komuniti Minangkabau dua istilah yang sering bertindan penggunaannya, iaitu kata ganti nama dan kata sapaan. Kedua-dua kata itu dibezakan berdasarkan peranannya dalam tuturan. Kata ganti nama berperanan untuk menggantikan nama tertentu dalam suatu ayat, sedangkan kata sapaan hanya berperanan untuk bertegur sapa.

Ayub *et al.* (1993:98) menyatakan bahawa kata ganti nama dalam bahasa Minangkabau dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu bentuk kata ganti nama yang berkaitan dengan kata nama dan bentuk kata ganti nama yang didasarkan kepada acuannya, mencakupi bentuk takrif dan tak takrif. Ayub (1993:98) menambah bahawa kata ganti nama tersebut dibezakan lagi menjadi kata ganti nama orang pertama, kedua, dan ketiga.

Moussay (1998:179) menggunakan istilah “acuan persona” untuk menunjukkan orang yang bercakap, orang yang diajak bercakap atau orang yang dipercakapkan. Pemilihan istilah ini disebabkan sememangnya dalam kalangan etnik Minangkabau kata-kata itu selalu dipilih dengan mempertimbangkan lawan tutur, usia lawan tutur, jantina, fungsi pemeran, hubungan antara pemeran, perasaan yang mengikat pemeran, dan topik tuturan (Moussay, 1998:180).

Apabila dikaitkan dengan peranan yang diemban oleh kata-kata yang digolongkan oleh Moussay (1988) sebagai “acuan persona” itu dalam tuturan etnik Minangkabau, maka sememangnya kata-kata tersebut berperanan sebagai kata yang menggantikan nama. Akan tetapi, bentuk kata yang menggantikan nama itu selalu disesuaikan dengan situasi penggunaannya.

Daripada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa kata ganti nama sememangnya kata yang menggantikan nama. Sesuai dengan fenomena penggunaan kata ganti nama dalam kalangan etnik Minangkabau, maka konsep kata ganti nama dalam kajian ini mengacu kepada kata-kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia, mencakupi kata ganti nama khas dan kata yang mempunyai acuan, sama ada sebagai orang pertama, kedua, mahupun ketiga.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini mengambil masa tiga bulan, iaitu Mei–Julai 2007 dengan tempoh waktu 4–5 jam dalam satu hari.<sup>4</sup> Pengutipan data ditumpukan pada tindak tutur menolak dalam kalangan etnik Minangkabau. Data dikutip pada situasi informal dengan fokus perbualan spontan yang berlangsung

---

4 Samarin (1993:88–90) mengemukakan bahawa dalam sebuah projek lapangan, masa perhubungan dengan seorang informan adalah antara beberapa bulan, perbezaannya ditentukan oleh keadaan. Selanjutnya Samarin memberikan maklumat bahawa Mary L dan George M melakukan kerja lapangan etnografi selama 12 minggu, di mana kerja linguistik tersebut dijalankan secara sambilan pada tahun 1948.

di tempat-tempat umum dalam domain persahabatan (*friendship*).<sup>5</sup> Data dikutip dengan menggunakan alat rakam dan perlengkapan tulis sebagai alat catat.<sup>6</sup> Mengikuti latar dan situasi penyelidikan yang demikian, penyelidik sentiasa membuat catatan lapangan, yang meliputi catatan deskriptif dan catatan reflektif.<sup>7</sup> Bagi mencapai matlamat kajian, maka data penyelidikan ini dikutip dengan menggunakan tiga teknik pengumpulan data berdasarkan kaedah etnografi pertuturan, iaitu teknik pemerhatian dan pemerhatian ikut serta, teknik temu bual, dan teknik etnopragsmatik, sebagaimana yang dikemukakan oleh Saville-Troike (1989:121–30).<sup>8</sup> Penyelidikan ini menggunakan paradigma sosiopragsmatik yang dikembangkan dengan pendekatan pragmatik dan etnografi pertuturan. Dengan merujuk kepada pandangan Geertz (1983), Bogdan dan Biklen (1982), Spradley (1980), Hymes (1972) dan Saville-Troike (1982, 1989), serta menyemak kedua-dua pendekatan kajian yang dipilih, maka analisis kualitatif dilakukan dengan tahapan berikut: (1) mentranskripsikan dan mengendalikan data tuturan, (2) mendeskripsikan catatan lapangan, (3) mengenal pasti peristiwa tutur, (4) melakukan analisis internal tuturan, (5)

- 5 Tempat tersebut mencakupi tempat kerja, majlis-majlis pertemuan, pasar tradisional, hentian bas, kedai runcit, kedai makan/kafetaria, lingkungan kampus dan tempat-tempat permainan. Penamaan domain ini mengikut salah satu daripada lima klasifikasi domain perilaku bahasa suatu komuniti yang dikemukakan oleh Fishman dan Greenfield (1968, 1970) dalam Winford (2003:110–11), iaitu *family*, *friendship*, *work*, *religion*, dan *education*. Penamaan domain ini juga digunakan oleh Fergusson (1964) dalam Winford (2003:112) yang membahagikan domain sosiolinguistik kepada dua bahagian (2003:112), iaitu *public domains (government, education, literature)* dan *informal domains (family, friendship, neighborhood)*. Pemilihan domain ini didasarkan atas pertimbangan kemurnian data (*natural setting*) mengingat penggunaan amalan konvensional pada domain persahabatan tidak sangat mengikat pemeran bertutur dibandingkan dengan empat domain lainnya. Persahabatan mencakupi rakan kerjaya atau sekolah atau organisasi, rakan sebaya, rakan sekampung atau sekompleks, dan rakan yang baru sahaja dikenali dengan mengambil kira kepelbagaian tingkat hubungan atau jarak sosial.
- 6 Pada masa awal penyelidikan, alat rakam yang digunakan ialah *handycam*, namun ternyata alat ini berpengaruh terhadap kealamiahannya peristiwa tutur. Justeru, penyelidik hanya menggunakan MP4 sebagai alat rakam.
- 7 Pernyataan itu sejalan dengan penjelasan Williams (1989:22), bahawa kegiatan utama dalam seluruh siklus penyelidikan ialah catatan lapangan, dan pekerjaan mencatat di lapangan itu berlangsung selama penyelidikan berjalan. Catatan deskriptif dilakukan mengikut panduan yang sudah dirancang terlebih dahulu, sehingga memudahkan penyelidik untuk mengutip data.
- 8 Pemilihan ketiga-tiga teknik itu lebih disebabkan oleh pertimbangan terhadap kepentingan asas penyelidikan, iaitu bagaimana memperoleh data yang cukup dan relevan dengan matlamat kajian, autentik dan tidak menggunakan masa yang sangat lama. Justeru, kelebihan dan kelemahan daripada masing-masing teknik dapat dipadu sehingga teknik yang satu boleh mendukung teknik yang lain.

menemukan hubungan antara aspek tuturan, menganalisis kesantunan, dan (6) merumuskan perubahan sosial yang berlaku dalam kalangan etnik Minangkabau moden.<sup>9</sup>

## SOSIOBUDAYA ETNIK MINANGKABAU

Adat Minangkabau mengatur perilaku masyarakatnya, sama ada secara individual mahupun kolektif, berdasarkan budi pekerti yang baik dan mulia, (Hakimy, 1997:13). Budi ialah kesanggupan merasakan perasaan orang lain yang dirasakan ke dalam diri sendiri. Dengan budilah pertelingkahan sesama manusia boleh dijaui, sebagaimana pepatah mengungkapkan “Utang ameh buliah dibaia, utang budi dibao mati” (Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati).<sup>10</sup> Ertinya, budi pekerti memperoleh tempat utama dalam adat Minangkabau dan menjadi asas dalam menjalankan kehidupan, termasuk kehidupan berbahasa, demi terwujudnya hubungan baik antara sesama manusia, sebagaimana pepatah mengatakan “Nan kuriak kundi, nan indah sago, nan baik budi, nan indah ba(ha)so” (Yang kurik kundi, yang indah saga, yang baik budi, yang indah ba(ha)sa).

Realiti sosial juga menunjukkan bahawa etnik Minangkabau ialah etnik yang mempunyai adat budaya yang kukuh. Kekukuhan itu dapat dibuktikan melalui sejarah kehidupan Minangkabau sebagaimana dilukiskan dalam pameo “kompani babenteng basi, Minangkabau babenteng adaik” (penjajah berbenteng besi, Minangkabau berbenteng adat).<sup>11</sup> Kekukuhan

9 Geertz (1983:298) menghuraikan bahawa pada asasnya, analisis kualitatif berupaya menemukan makna yang mengacu kepada mencari pengetahuan budaya dalam fungsinya sebagai motor penggerak individu dalam kehidupan sosial. Makna merupakan hal yang penting bagi analisis kualitatif kerana kualitatif mencerminkan apa yang dialami, bagaimana mentafsirkan perilakunya, dan bagaimana menstruktur dunia sosial, (Bogdan dan Biklen, 1982:34). Oleh itu, menurut Spradley (1980:39–40), analisis kualitatif tidak terlepas daripada konteks peristiwa yang diamati yang dapat diidentifikasi berdasarkan kawasan terjadinya peristiwa, perilaku, dan aktiviti penutur (peristiwa tutur). Hymes (1972) mempunyai pandangan yang sama dengan Spradley. Hymes (1972) mencadangkan tiga unit yang harus dihurai dan dianalisis dalam mengkaji tuturan, iaitu: situasi, peristiwa, dan perilaku. Saville-Troike (1989:107) langkah yang patut dilakukan dalam menghuraikan dan menganalisis pertuturan ialah mengenali peristiwa komunikasi, mengenali komponen yang berperanan, dan menemukan hubungan antara komponen itu.

10 Maksudnya, hutang emas (wang) boleh dibayar, tetapi hutang budi tidak mudah melupakannya (Nafis 1996:76; Sjfafir 2006:53).

11 Pameo ini bermaksud bahawa meskipun masyarakat Minangkabau kalah dalam perang, jiwa mereka tetap tidak tertakluk kerana adat mereka tetap kukuh dan menjadi amalan (Navis, 1986:86).

adat tersebut juga terlihat melalui sikap etnik ini terhadap adat budaya yang diwariskan oleh nenek moyangnya, sebagaimana diungkapkan dalam mamang “indak lapuak dek hujan, indak lakang dek paneh” (tidak lapuk kerana hujan, tidak lekang kerana panas), dan boleh dibuktikan melalui kesetiaan etnik ini akan warisan budaya wujud dalam kehidupan berbahasa meskipun hidup dalam kebersamaan dengan etnik yang pelbagai.

Sungguhpun demikian, masyarakat Minangkabau ialah masyarakat yang dinamik. Kedinamikan etnik Minangkabau tersirat melalui falsafah yang dianutnya, iaitu “Alam takambang menjadi guru” yang bererti bahawa seluruh kehidupan sosial etnik Minangkabau berpandukan kepada sifat-sifat alam. Alam tidaklah sesuatu yang kekal, melainkan selalu berubah sesuai dengan perubahan manusia yang berada di dalamnya. Falsafah ini diperkuat oleh pepatah “sakali aia gadang, sakali tapian barubah” (sekali air besar, sekali tepian berubah) yang pada asasnya menunjukkan etnik Minangkabau menganut perubahan jauh sebelum era global diperbincangkan (Sjafnir, 2006:23–24).<sup>12</sup> Mereka ialah etnik yang “*open minded*”, bahkan, menempatkan perubahan sebagai suatu hal yang maha penting (Esten dalam Yunarti dan Kasih, 2002:73). Selain perkara di atas, kedinamikan etnik Minangkabau pada asasnya juga berkait rapat dengan sifat sosial etnik Minangkabau, iaitu amalan merantau.<sup>13</sup> Wujud amalan etnik Minangkabau tersebut dinukilkan Hakimy (1997:32) pada petiti “Sakali aia gadang, sakali tapian baranjak, sakali musim batuka, sakali caro baganti, nan adaik barubah tidak (Sekali air besar, sekali tepian berubah, sekali musim bertukar, sekali cara berganti, yang adat berubah tidak).

Huraian di atas memperlihatkan bahawa etnik Minangkabau ialah etnik yang mempunyai prinsip adat yang kuat. Adat Minangkabau tidak akan berubah. Namun, suatu perkara yang lazim apabila terjadi variasi dalam praktiknya sesuai dengan konteks situasional. Ertinya, keteguhan kepada adat budaya tidaklah menyebabkan masyarakat Minangkabau menjadi statik, tetapi mereka ialah masyarakat yang dinamik. Dalam kajian ini, kedinamikan itu boleh dilihat melalui penggunaan kata ganti nama.

12 Pepatah ini bermaksud, lain yang berkuasa, lain kemahuaannya; berganti pemimpin berganti peraturan (Nafis, 1996:9). Oleh sebab itu, perubahan ialah suatu perkara yang lazim berlaku dan menunjukkan kedinamikan masyarakat Minangkabau.

13 Kato (1989:4) menyatakan bahawa merantau merupakan salah satu daripada tiga sifat sosial Minangkabau yang termasyhur. Selain kepercayaan yang kuat terhadap agama Islam, ciri-ciri yang sering dikaitkan dengan etnik Minangkabau ialah merantau dan sistem matrilineal. Amalan merantau orang Minangkabau bukan semata-mata satu akibat proses perbandaran yang baru berlaku, malah telah berakar umbi dalam sejarah mereka. Konsep merantau dalam sejarah Minangkabau dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu; segmentasi kampung, merantau pusingan dan merantau cina.

## PENGGUNAAN DAN FUNGSI KATA GANTI NAMA DALAM KALANGAN ETNIK MINANGKABAU

Sebelum menjelaskan bagaimana Kata Ganti Nama dalam Kalangan Etnik Minangkabau (KGND) dioperasikan dan beroperasi, terlebih dahulu dikemukakan KGND yang digunakan dalam domain persahabatan dalam kalangan etnik Minangkabau. Berdasarkan leksikonnya, KGND yang digunakan oleh etnik Minangkabau dapat dibahagikan kepada dua, iaitu KGND khas (bentuk dan peranannya sebagai KGN) dan KGND binaan (bentuk lain, tetapi peranannya sebagai KGN). KGND binaan dibina daripada pelbagai jenis kata, iaitu: istilah kekerabatan, gelar adat/agama, gelar akademik, sapaan umum, kata sifat, nama haiwan, nama buah, dan nama benda.<sup>14</sup> Kedua-dua KGND dapat disemak pada Jadual 1 dan Jadual 2.

**Jadual 1** KGND dalam domain persahabatan etnik Minangkabau.

NO	KGND	Kategori KGND			Umur		Jantina		Variasi	Jarak Sosial		
		I	II	III	T	M	L	P		TA	KA	A
1.	Aden	v			v	v	v	v	Denai, den	v	v	v
2.	Aku	v			v	v	v	v	Ku, agu, gu			v
3.	Ambo	v			v			v	Mbo	v	v	v
4.	Awak	v	v		v	v	v	v	Wak, awaktu	v	v	v
5.	Ang		v		v	v	v	v	Diang, waang		v	v
6.	*Ana	v				v		v				v
7.	*Gua	v				v		v	*Gue		v	v
8.	*I	v				v		v			v	v
9.	Saya	v			v	v	v	v				v
10.	Urang	v		v		v	v	v	Rang, Urang-urang			v
11.	Kami/kito	v		v	v	v	v	v	Kita	v	v	v
12.	*anti	v		v	v	v	v	v			v	v
13.	*Lu		v			v		v			v	v
14.	*You		v			v		v			v	v
15.	Kau		v		v	v	v	v	Kamu			v
16.	Inyo			v	v		v	v			v	v

Kunci Jadual 1:

Tanda \*: KGND serapan

Tanda v: digunakan untuk atau digunakan oleh

Singkatan Jantina: L = lelaki, P = perempuan

Singkatan Jarak sosial: TA = tidak akrab, KA = kurang akrab, & A = akrab

<sup>14</sup> Dalam artikel ini kumpulan KGND tersebut dinamakan sebagai KGND binaan. Moussay (1998:179) menyebutnya sebagai pinjaman. Penggunaan kategori KGND merujuk kepada Moussay (1998).



KATA GANTI NAMA DALAM INTERAKSI SOSIAL

Jadual 2 KGND Binaan Etnik Minangkabau.

NO	Yang Menempati KGND	Kategori KGND			Umur		Jantina		Variasi	Jarak sosial		
		I	II	III	T	M	L	P		TA	KA	A
1.	Istilah kekerabatan:								Apak tu, apak-apak, Ibuk, ibuk-ibuk  Atuk, gaek, inyiak  Uda-uda Uniang, uni-uni Piak** upiak banun** Yuang**	v	v	v
	Apak	v	v	v	v	v	v	v				
	Ibuk	v	v	v	v	v	v	v				
	Etek		v		v		v	v				
	Angku		v		v		v	v				
	Abang	v	v		v	v	v	v				
	Uda	v	v	v	v	v	v	v				
	Uni	v	v	v	v	v	v	v				
	Upiak		v		v		v	v				
	Buyuang		v				v	v				
2.	Gelar adat /agama		v		v		v	v	Tuak, atuak			v
	Datuak		v		v		v	v				
	Penghulu		v		v		v	v				
	Malin		v		v		v	v				
	Ustad		v		v		v	v				
	Buya											
	Haji											
3.	Gelar akademik		v		v		v	v	Prof, Doktor, Master			v
4.	Kedudukan/ Kerjaya		v		v	v	v	v	Dekan, ketua, boss, guru, mandan, tukang.			v
5.	Jantina: Padusi Laki-laki			v	v	v	v	v	Padusi-padusi	v	v	v
6.	Sapaan Umum: Ampuang Kawan		v		v	v	v	v	Mpuang Kawan-kawan, *Frends		v	v
7.	Kata sifat Gapuak Paota Pancameeh		v		v	v	v	v	Si gapuak, puak Si paota Si pancameeh			v
8.	Nama haiwan***		v		v	v	v	v	Ulek bulu, ulek pinang, ula, baluik, kapuyuak.			v
9.	Nama buah***		v		v			v	Kapunduang			v
10.	Nama diri	v	v		v	v	v	v	Ani, Adi, Ndre,	v	v	v
11.	Gabungan		v	v	v	v	v	v	Pak Dekan, Buk Sis, Pak datuak, Pak Haji, Pak ustad	v	v	v

Kunci Jadual 2:

Tanda\*\* : digunakan pada situasi tertentu

Tanda\*\*\*: digunakan oleh golongan nonintelektual

Tanda v dan singkatan sama dengan kunci Jadual 1

Merujuk kepada Jadual 1 dan Jadual 2, dapat diketahui bahawa dalam domain persahabatan dalam kalangan etnik Minangkabau digunakan KGND yang bervariasi, terutama pada KGND orang kedua. Praktik yang serupa itu lebih disebabkan oleh faktor keterlibatan pemeran dan topik pembicaraan, di samping adanya kecenderungan melesapkan salah satu KGND, terutamanya subjek, dalam penolakan.<sup>15</sup> Dapatan juga menunjukkan bahawa kadang-kadang etnik Minangkabau melesapkan KGND dalam menolak rakan untuk meminimalkan kelangsungan tuturan.

Dapatan menunjukkan, dalam kalangan etnik Minangkabau penggunaan KGND selalu mempertimbangkan status sosial.<sup>16</sup> Selain status sosial, KGND juga dioperasikan dengan mempertimbangkan jantina, jarak sosial, dan situasi tutur. Justeru, penggunaan KGND dalam kalangan masyarakat Minangkabau sangat berimplikasi terhadap kesantunan. Merujuk kepada Jadual 1 dan Jadual 2 dapat dijelaskan penggunaan KGND khas dan KGND binaan.

### (1) KGND Khas

KGND khas pada asasnya lebih banyak digunakan oleh golongan usia muda dibandingkan dengan golongan usia tua. Apabila dibandingkan dengan KGND binaan, maka KGND khas kurang acap digunakan dalam perilaku menolak etnik Minangkabau. Penggunaan KGND khas tersebut dijelaskan sebagai yang berikut.

a. KGND *aden* boleh digunakan oleh sesiapa sahaja. Akan tetapi, dalam praktiknya, *aden* lebih lazim digunakan oleh lelaki. Dapatan menunjukkan

---

15 Dapatan ini sama dengan Moussay (1998:180). Moussay menggunakan istilah ekonomi bahasa untuk menyebutkan alasan pelepasan salah satu daripada KGND dalam kalangan etnik Minangkabau.

16 Pertimbangan status sosial merupakan perkara yang asas dalam bertutur dalam kalangan etnik Minangkabau. Amalan ini wujud daripada kepatuhan etnik Minangkabau terhadap *langgam kato*, aturan bertutur etnik Minangkabau (Navis, 1986). *Langgam Kato* yang merupakan kaedah bertutur sehari-hari antara etnik Minangkabau sesuai dengan status sosial penutur. *Langgam Kato* terbahagi kepada empat, iaitu *kato mandaki*, *kato manurun*, *kato malareng*, dan *kato mandata*. Kaedah ini berlaku untuk semua penutur sedangkan pemakaiannya ditentukan oleh lawan tutur, (Navis, 1986:101–02). Dapatan yang hampir sama juga dikemukakan oleh Moussay (1998), Kasih (200), Manaf (2005), dan Revita (1007). Status sosial pada amalan semasa lebih menekankan kepada golongan usia daripada hubungan peranan kerana realiti sosial menunjukkan hubungan-peranan dalam domain persahabatan dalam kalangan etnik Minangkabau moden kerap bertindan. Misalnya, dua orang yang hubungan perannya guru-murid menjadi rakan kerjaya dan kini menjadi murid-guru. Contoh lain, hubungan peranan semula ialah dua rakan karib yang sebaya dan juga rakan kerjaya, kini menjadi besan dan di jabatan hubungan perannya atasan-bawahan.

- bahawa KGND *aden* sangat jarang digunakan oleh perempuan golongan usia tua, tetapi *aden* digunakan oleh perempuan golongan usia muda. *Aden* dinilai agak kasar apabila digunakan oleh perempuan.<sup>17</sup>
- b. *Aku* ialah KGND yang juga boleh digunakan oleh sesiapa. Dalam praktiknya, *aku* jarang digunakan, kecuali dalam konteks bahasa Indonesia atau kumpulan yang sememangnya menggunakan *aku* kerana wujud pengaruh dialek.<sup>18</sup>
  - c. *Ambo* ialah KGND yang dinilai sopan oleh etnik Minangkabau. Namun, dapatan menunjukkan perilaku menolak *ambo* hanya digunakan oleh perempuan golongan usia tua.
  - d. *Awak* digunakan untuk kategori I tunggal atau jamak. *Awak* digunakan oleh sesiapa sahaja. *Awak* dinilai sebagai KGND yang sopan. Penggunaan KGND *awak* dimaksudkan sebagai upaya penutur untuk mendekati diri kepada lawan tutur. Selain itu, penggunaan *awak* pada dasarnya merupakan pernyataan bahawa penutur dan lawan tutur termasuk dalam kumpulan yang sama.<sup>19</sup>
  - e. *Ang* digunakan untuk menyatakan orang kedua (lawan tutur). *Ang* boleh digunakan oleh sesiapa sahaja. Akan tetapi, dalam praktiknya, golongan tua menggunakan *ang* kepada rakan lelaki yang usianya lebih muda, sedangkan golongan usia muda menggunakan *ang* kepada rakan yang sebaya. Bahkan, perempuan golongan usia muda juga menggunakan *ang* kepada rakan perempuan sebayanya.<sup>20</sup>
  - f. *Ana*, *gua*, dan *I* merupakan kategori KGND I yang berupa serapan daripada bahasa lain. Ketiga-tiganya hanya digunakan oleh perempuan golongan usia muda. *Ana* dan *I* lebih digunakan oleh kumpulan tertentu iaitu ahli kumpulan tuisyen, ahli kumpulan pengajian, atau ahli kumpulan program.
  - g. *Saya* merupakan KGND I yang boleh digunakan oleh sesiapa ketika beralih kod atau bercampur kod (dalam konteks berbahasa Indonesia).
  - h. KGND *urang* dan *rang* digunakan untuk kategori I, sedangkan *urang-urang* digunakan untuk menyebut kategori ketiga jamak. Penggunaan KGND ini terhad kepada kumpulan yang akrab.

17 Aden dinilai sebagai KGND yang bersifat maskulin.

18 Ada kawasan tertentu yang menggunakan *aku* sebagai KGND I-nya.

19 Justeru, di Minangkabau istilah *awak samo awak* ataupun *urang awak* bererti sesama Minang atau pun orang Minang.

20 *Ang* merupakan KGND yang bersifat maskulin sehingga apabila digunakan untuk merujuk kepada perempuan, penggunaannya dinilai tidak sopan.

- i. *Kami/kito* digunakan sebagai kategori I jamak oleh sesiapa sahaja. Penggunaan KGND *kami/kito* dinilai santun, sama ada oleh golongan usia tua mahu pun muda.
- j. *Anti, lu, dan you* hanya digunakan oleh perempuan usia muda untuk kategori II. Penggunaan ketiga-tiga KGND ini sama dengan KGND *ana, gua, dan I*.
- k. *Kau* merupakan KGND yang lazimnya digunakan sebagai kategori II untuk perempuan, sedangkan *kamu* digunakan untuk merujuk lelaki atau perempuan dalam konteks berbahasa Indonesia. *Kau* dinilai kasar atau tidak santun.

## (2) KGND binaan

Dapatan menunjukkan bahawa KGND binaan lebih dominan digunakan dalam perilaku menolak etnik Minangkabau, terutamanya KGND yang dibina daripada istilah kekerabatan. Berikut akan dijelaskan penggunaan masing-masing KGND binaan.

- a. KGND yang dibina dengan istilah kekerabatan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, akan tetapi dalam perilaku menolak KGND jenis ini cenderung digunakan oleh golongan usia tua. *Apak, angku, abang, uda, dan buyuang* merujuk kepada rakan lelaki, sedangkan *ibuk, etek, uni, dan upiak* merujuk kepada perempuan. Golongan usia tua menggunakan *apak, ibuk, uda, abang, dan uni* sebagai kategori I kepada lawan tutur yang lebih muda, dan sebagai kategori II kepada rakan sebaya atau kepada rakan kerjaya/organisasi yang usianya lebih tua. *Buyuang* dan *upiak* digunakan oleh golongan usia muda untuk menolak rakan sebayanya ketika suasana marah.
- b. KGND yang dibina dengan gelar adat/agama digunakan oleh golongan usia tua kepada rakan kerjaya ataupun rakan seorganisasi. Khusus KGND *datuak, penghulu, dan haji* hanya digunakan oleh rakan sebaya atau daripada yang lebih tua usianya kepada yang lebih muda.
- c. KGND yang dibina melalui gelar akademik hanya lazim digunakan untuk menolak rakan atau kepada rakan yang usianya lebih muda dalam suasana santai.
- d. KGND yang dibina untuk menunjukkan kedudukan ataupun kerjaya lazim digunakan kepada rakan sebaya dalam suasana santai.
- e. *Padusi* dan *laki-laki* merupakan KGND kategori III yang digunakan oleh penutur dalam memberikan alasan kepada rakan sebayanya.
- f. KGND yang dibina dengan kata sapaan umum lazim digunakan oleh sesiapa yang akrab. KGND *ampuang* yang bererti rakan sekampung dan

- kawan* yang bermaksud satu kumpulan cenderung digunakan kepada rakan sebaya ataupun rakan yang akrab. *Friends* dalam perilaku menolak hanya digunakan oleh golongan usia muda kepada rakan sebayanya.
- g. KGND yang dibina daripada kata sifat (*gapuak*, *paota*, dan *pancemeeh*) digunakan kepada rakan sebaya yang akrab ketika suasana bergurau.
  - h. KGND yang dibina daripada nama haiwan dan nama buah lazim digunakan oleh golongan nonintelektual kepada rakan sebayanya.<sup>21</sup> Dapatan juga menunjukkan KGND ini juga digunakan oleh golongan intelektual usia muda. Dalam suasana neutral KGND ini dinilai tidak sopan.
  - i. KGND yang dibina dengan nama diri lazim digunakan sebagai kategori I oleh perempuan Minangkabau ketika bertutur kepada sesiapa sahaja, dan sebagai kategori II dan III apabila lawan tutur yang usianya lebih muda.<sup>22</sup>
  - j. KGND yang dibina dengan menggabungkan istilah kekerabatan dan gelar adat/agama atau dengan nama diri sebagai kategori II dan III boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, dan dalam pelbagai suasana. Biasanya, KGND ini digunakan kepada lawan tutur yang usianya lebih tua atau kedudukannya lebih tinggi.

Merujuk kepada huraian di atas, dapat diketahui bahawa etnik Minangkabau moden mengambil berat status sosial (usia lawan tutur) pemeran sebagai aspek penting dalam bertutur dengan menempatkan lawan tutur sebagai sentral pertimbangan. Dengan menyemak huraian di atas diketahui bahawa domain persahabatan dalam kalangan etnik Minangkabau tidak hanya membabitkan rakan dalam erti kata yang sempit, melainkan rakan beroperasi dalam konteks yang lebih luas<sup>23</sup>. Keadaan ini menyebabkan hubungan peranan antara rakan sering bertindan dan acap menjadi punca pergeseran nilai rasa tuturan yang secara langsung mahupun tak langsung berimpak terhadap norma-norma interaksi. Justeru, kata ganti nama daripada keempat-empat jenis *langgam kato* iaitu *kato mandaki*, *kato manurun*, *kato malereng*, dan *kato mandata* beroperasi pada perilaku menolak rakan dalam kalangan etnik Minangkabau.

Selain itu, melalui Jadual 1 dan Jadual 2 juga dapat diketahui bahawa pilihan leksikon etnik Minangkabau moden tidak hanya mencakupi perkataan

21 KGND ini berkonotasi negatif dan biasanya hanya digunakan oleh kumpulan nonintelektual, seperti peniaga kaki lima atau pekerja di hentian bas.

22 Sebahagian lelaki Minangkabau juga menggunakan nama diri sebagai kategori I. Penggunaan ini bagi sebahagian lawan tutur dinilai kurang lazim kerana bersifat feminin.

23 Dalam erti yang sempit, perkataan rakan bermakna orang yang sama besar (hampir sama usia), sedangkan dalam erti luas perkataan rakan mencakupi orang-orang yang berada dalam kumpulan kerana pelbagai faktor yang sama, seperti faktor kerjaya, tempat tinggal (kampung), sekolah, dan organisasi.

Minangkabau<sup>24</sup>, melainkan juga mencakupi dialek Betawi (*gue* dan *lu*),<sup>25</sup> bahasa Indonesia (*kami*, *bapak*, *ibuk*, dll) dan bahasa Inggeris (*I*, *friends*, dll). Penggunaan yang demikian menunjukkan bahawa etnik Minangkabau mengalami kontak bahasa apabila wujud pengaruh budaya luar dan juga menunjukkan sifat kedinamikan etnik Minangkabau sebagai penutur bahasa.

Apalagi jika merujuk kepada “makna kehadiran” kata ganti nama dalam interaksi sosial dalam kalangan komuniti, yang tidak hanya setakat menjayakan komunikasi, tetapi lebih daripada itu ia boleh mengekalkan hubungan sosial antara komuniti.<sup>26</sup> Justeru, KGND dalam perilaku menolak dalam kalangan etnik Minangkabau bukan hanya berperanan dalam konteks menghargai, bahkan menjadi salah satu standard bagi menilai santun tidaknya perilaku menolak.

## PERUBAHAN PERILAKU TUTUR ETNIK MINANGKABAU MODEN

Dalam praktiknya, ketepatan penggunaan kata ganti nama menjadi salah satu parameter kesantunan menolak rakan dalam kalangan etnik Minangkabau. Ketepatan penggunaan KGND diukur berdasarkan kesesuaian status sosial (hubungan peranan dan usia), jantina, jarak sosial, dan suasana penggunaan. Perempuan tidak dinilai santun ketika menggunakan kata ganti nama diri *aden* meskipun jarak sosial mereka akrab, namun dinilai sebagai sesuatu yang lazim ketika digunakan oleh lelaki kerana *aden* sememangnya lebih bersifat maskulin.

Amalan semasa etnik Minangkabau menunjukkan bahawa kecenderungan golongan usia tua dan muda dalam menggunakan kata ganti nama berbeza. Perbezaan itu dapat ditegaskan sebagai yang berikut.

---

24 Bahasa Minangkabau dalam kajian ini meliputi pelbagai dialek yang ada, tanpa membezakan jenis-jenis dialeknnya.

25 *Gue* dan *lu* merupakan kata ganti nama diri yang popular digunakan dalam dialek Betawi dan menjadi patron bagi golongan muda, khususnya remaja Indonesia, termasuk golongan muda etnik Minangkabau. Sesungguhnya kedua-dua kata ganti nama diri tersebut berasal daripada ragam bahasa etnik Tionghoa.

26 Moussay (1998:180) menyebutkan bahawa dalam konteks Minangkabau, kategori kata ganti nama kerap bermakna dalam hubungan penutur dan lawan tutur.

## 1. Golongan Tua

Golongan usia tua cenderung menggunakan KGND binaan dibandingkan dengan KGND khas. Penggunaan KGND khas yang mengandung konotasi makna maskulin atau feminin cenderung disesuaikan dengan jantina, seperti *aden* digunakan oleh lelaki dan *ang* dirujuk kepada lawan tutur lelaki. Penggunaan KGND khas yang kerap digunakan ialah *awak* kerana dinilai lebih sopan. KGND binaan yang menjadi pilihan bagi golongan usia tua ialah istilah kekerabatan, gelar adat/agama dan gabungan. Pemilihan ini lebih dimaksudkan sebagai upaya bertutur santun atau menjaga air muka lawan tutur sehingga tidak menyinggung perasaan lawan tutur, mengakrabkan hubungan rakan, dan bahkan dapat melanggengkan hubungan rakan. Justeru, kata ganti nama yang digunakan oleh golongan usia ini cenderung memilih bentuk santun ataupun bentuk lazim daripada kod Minangkabau.

## 2. Golongan Muda

Golongan usia muda cenderung menggunakan KGND khas untuk rakan sebaya, sama ada KGND dalam bahasa Minangkabau ataupun serapan daripada bahasa lain. Justeru, kata ganti yang digunakan oleh golongan usia ini cenderung memilih bentuk serapan ataupun bentuk lazim. Pemilihan ini lebih dimaksudkan sebagai upaya memberikan mesej yang berkesan dan mengakrabkan hubungan rakan. KGND yang dibina dengan istilah kekerabatan dan gabungan digunakan kepada lawan tutur yang berusia lebih tua. Pada golongan usia muda, perempuan lebih cenderung menggunakan unsur serapan dibandingkan dengan lelaki. Selain itu, perempuan usia muda juga kerap menggunakan KGND yang bersifat maskulin, seperti *aden* untuk kategori I dan *ang* untuk kategori kedua yang merujuk kepada perempuan.

Untuk mengetahui bagaimana kecenderungan itu diwujudkan oleh etnik Minangkabau, berikut ditampilkan perilaku tutur daripada dua golongan usia tersebut. Perilaku tutur ini juga boleh memperlihatkan perbezaan kecenderungan menolak antara golongan usia tua dan muda.

### 1. KGND PT32

P2: Lai **rang** nio, tapi iko baa jae?(menunjuk ke perutnya) **Uni**ang sae nan lai ringan, kaki panjang indak manggarik, kunun lah **ur**ang nan sadiang tabedo? (87)

(Ada saya mahu, tapi keadaan saya bagaimana ya? Kamu sahaja yang

ada ringan, kaki panjang tidak bergerak, apalagi saya yang sedang begini?)

2. KGND PT34

L2: Trimo kasih. Iyo mambana **den**, ndak bisa bisuak do. Labiahian se lah dek **abang** jo **kawan-kawan**. Guru tapi lai lo ka tibo. Sakali lai, Insyallah **kami** tibo. (94)

(Terima kasih. Iyo membenar saya, tidak bisa besok. Lebihkan sahaja oleh abang dan kawan-kawan. Guru tetapi ada pula akan tiba. Sekali lagi, Insyallah kami tiba.)

3. KGND uni pada PT60

P1: Ndak ado doh. **Uni** coret tu asal ado se. Mangarang indah senyo. (157)

(Tidak ada. Uni menulis asal ada sahaja. Mengarang indah sahaja.)

4. KGND PT9

L2: Iyo..iyo..., **den** ka mambaco a, **angku** mamakak se. (18)

(Iya... iya..., saya akan membaca, kamu memekak sahaja.)

5. KGND PT38

P2: **Lu** kecek banyak pitih **gua**. (102)

(Kamu minta banyak wang saya.)

6. KGND uni pada PT71

P2: E...hei, yo. Lah *deadline* baru basuruah. Karajo bagageh tu **den** ndak bisa. (183).

(E...hei. Sudah habis masa baru disuruh. Kerja yang tergesa-gesa itu saya tak boleh.)

Perilaku tutur 1–3 digunakan oleh golongan tua (> 30 tahun) yang merupakan rakan kerjaya yang akrab. Contoh 1 merupakan penolakan yang dilakukan oleh P2 (36 tahun) kepada rakan sebayanya P1 (37 tahun). KGND yang digunakan untuk orang I ialah *urang*, sedangkan untuk KGND orang ke II ialah *uniang*. Contoh kedua merupakan penolakan yang dilakukan oleh L2 (43 tahun) yang menolak undangan L1 (43 tahun). Pada contoh kedua, KGND orang I yang digunakan ialah *den* dan *kami*, KGND orang II ialah *abang*, dan KGND ke III ialah *kawan-kawan* dan *guru*. Contoh ketiga dilakukan oleh P1 (58 tahun) yang menolak permintaan P2 (44 tahun). P1 menggunakan *uni* sebagai KGND pertama.

Perilaku tutur 4–6 digunakan oleh golongan muda (< 30 tahun) yang digunakan oleh rakan sebaya yang akrab dan juga rakan sekolah atau rakan organisasi. Pada contoh 4, L2 (23 tahun) menolak tawaran rakannya L1 (23 tahun) dengan menggunakan *den* untuk KGND I dan *angku* untuk



KGND kedua. Pada contoh kelima, P2 (17 tahun) menolak saran rakannya P1 (16 tahun) dengan menggunakan *gua* sebagai KGND I dan *lu* sebagai KGND kedua. Pada contoh 6, P2 (22 tahun) menolak arahan P1 (21 tahun) yang merupakan ketuanya dalam organisasi kampus dengan menggunakan *den* sebagai KGND I.

Huraian dan contoh penggunaan KGND di atas boleh menunjukkan bahawa golongan usia tua cenderung membina dan mempertahankan KGND yang sehati dengan budaya Minangkabau yang mengutamakan budi dan sopan, sedangkan golongan usia muda cenderung memilih dan menggunakan KGND yang boleh memperpendek jarak sosial ataupun dinilai lebih berprestij. Dengan kata lain, dalam praktiknya golongan usia tua mengambil berat faktor kesantunan dalam memilih dan menggunakan KGND, sedangkan golongan usia muda cenderung mengambil berat faktor keberkesanan dalam memilih dan menggunakan KGND.

Dengan merujuk kepada andaian asas dalam kebanyakan teori tentang perubahan budaya (Saville-Troike, 1989:205), maka jelaslah bahawa golongan usia tua masih berupaya mempertahankan tradisi yang tampak melalui penggunaan bentuk-bentuk KGND yang santun, sedangkan golongan usia muda mula memilih bentuk-bentuk KGND lazim ataupun serapan yang kadangkala digunakan tanpa menyesuaikan dengan rujukan yang semestinya. Perbezaan ini pada asasnya memperlihatkan proses perubahan perilaku bertutur dalam kalangan etnik Minangkabau moden. Kesimpulan ini disokong oleh dapatan Eckert (1997) yang menegaskan bahawa perilaku golongan usia muda cenderung bertentangan dengan amalan konvensyen sebagaimana wujud dalam amalan golongan usia tua, mereka cenderung melakukan perubahan.

## KESIMPULAN

Dari satu sudut, perubahan perilaku boleh dianggap sebagai impak globalisasi, tetapi dari sudut yang lain perubahan perilaku dapat dipandang sebagai wujud kedinamikan suatu etnik. Kecenderungan untuk menggunakan kata ganti nama yang berbeza daripada amalan konvensyen sebagaimana wujud pada perilaku golongan usia tua sering menjadi kekhawatiran banyak pihak, terutamanya ibu bapa, para pendidik, dan para budayawan. Ini menunjukkan bahawa kata ganti nama bukan hanya persoalan linguistik malahan juga persoalan sosial.

## RUJUKAN

- Amat Juhari Moain, 1985. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayub, Asni *et al.*, 1993. *Tata Bahasa Minangkabau*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Eckert, P., 1997. "Age as a Sociolinguistics Variable" dlm. F. Coulmas (ed.). *The Handbook of Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell.
- Hakimy, Idrus, 1997. *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Remaja: Rosdakarya.
- Kasih, Media Sandra, 2004. *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau: Cerminan Adat dan Sistem Sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kato, Tsuyoshi, 1982. *Matriliney and Migration, Evolving Minangkabau Traditions in Indonesia*. London: Cornell University Press.
- Manaf, Ngusman Abdul, 2005. "Realisasi Kesantunan Direktif di dalam Bahasa Indonesia di Kalangan Etnik Minangkabau di Padang". Tesis PhD. dikemukakan kepada Program Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia -Jakarta.
- Moussay, Gerard, 1998. *Tata bahasa Minangkabau*. Diterjemah oleh Rahayu S. Hidayat. Jakarta: Gramedia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1994. "*Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*". Tesis PhD. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, dan Maslida Yussof, "Kata Panggilan dalam Masyarakat Melayu: Analisis Sosiolinguistik dan Pragmatik" dlm. *Jurnal Bahasa*. 2(2) hlm 224-57, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nafis, Anas, 1996. *Peribahasa Minangkabau*. Jakarta: Intermasa.
- Nasroen, M., 1987. *Dasar Filsafat Adat Minangkabau*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Navis, A.A., 1984. *Alam Takambang Jadi Guru: Adat Kebudayaan Minangkabau*. Jakarta: Grafiti Pers.
- Nik Safiah Karim, 1992. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Revita, Ike, 2007. "*Permintaan dan Penolakan dalam Bahasa Minangkabau (Sebuah Tinjauan Sosiopragmatik)*". Tesis PhD. Yogyakarta: Program Pascasarjana Universitas Gajah Mada.
- Samarin, W.J., 1993. *Field Linguistic: A Guide to Linguistics Field Work*. Diterjemahkan oleh Kamaruzzaman Mahayiddin dan Zahrah Abd. Gafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Puataka.
- Sarjak, Roger, 1993. *Fieldnotes the Makings of Antropology*. Italiaca: Cornell University Press.
- Saville-Troike, Muriel, 1989. *The Ethnography of Communication: An Introduction*. Oxford: Blackwell Ltd.
- Sjafnir, 2006. *Sirih Pinang Adat Minangkabau: Pengetahuan Adat Minangkabau Tematis*. Padang: Sentra Budaya.